

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT
[BETONG]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimanakah Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) memberi manfaat kepada masyarakat atau golongan peniaga.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang merupakan agensi di bawah KPDNHEP telah mengambil langkah ke hadapan bagi menyokong usaha dan inisiatif Kerajaan untuk memudah cara serta membantu pendaftaran perniagaan melalui pengenalan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang telah dilancarkan pada 23 Disember 2020. Usaha ini adalah bagi membantu kelangsungan hidup rakyat dengan menceburi bidang perniagaan. Inisiatif SPPP ini juga adalah selaras dengan agenda Program Strategi Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PERMEKASA) yang diperkenalkan oleh Kerajaan.

2. SSM sentiasa komited untuk membantu masyarakat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dengan memperkenalkan SPPP. Pengenalan SPPP juga bertujuan membantu golongan B40 yang terjejas pendapatan akibat pandemik COVID-19 dan pelajar sepenuh masa di institusi

pengajian tinggi untuk mendaftarkan perniagaan mereka secara percuma melalui pengecualian fi pendaftaran.

3. SPPP diperkenalkan sebagai sokongan dan galakan kepada masyarakat khususnya golongan B40 untuk menceburi bidang perniagaan bagi menjana sumber pendapatan alternatif kepada pengajian terutamanya apabila hilang perniagaan. SPPP bukan sahaja dapat menarik minat golongan yang terkesan untuk menceburi bidang perniagaan tetapi juga dapat membantu mereka menerokai bidang perniagaan yang berpotensi untuk menjana pendapatan.

4. Berdasarkan rekod SSM, sebanyak **18,476** permohonan SPPP telah didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dalam tempoh 1 Januari 2021 sehingga 30 September 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **13,207** permohonan adalah daripada golongan B40 dan **5,269** permohonan diterima daripada pelajar institusi pengajian tinggi sepenuh masa. Manakala sebanyak **18,225** perniagaan milikan tunggal dan **251** perniagaan perkongsian telah didaftarkan melalui SPPP dalam tempoh tersebut.

5. Sebagai galakan kepada orang ramai untuk menceburi bidang perniagaan dan memanfaatkan SPPP, SSM telah melaksanakan pendekatan proaktif melalui penganjuran Program Bimbingan Ushawan 2021 (PBU21) yang akan diteruskan pada tahun hadapan. Program ini bermatlamat untuk memberikan pendedahan mengenai amalan perniagaan yang beretika kepada golongan sasaran dan membantu mereka meningkatkan taraf ekonomi sendiri melalui aktiviti perniagaan.

Sekian, terima kasih.